



**PANDUAN PEPERIKSAAN
MEMASUKI PERKHIDMATAN**

**PEGAWAI KEBUDAYAAN
GRED B17**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B17

ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon hendaklah membawa:
 - a. Surat panggilan menduduki peperiksaan;
 - b. Kad pengenalan
 - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
3. Calon perlu berada di pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum peperiksaan bermula.
4. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan **tiga puluh (30) minit** selepas peperiksaan dimulakan.
6. Calon mesti kenal pasti pusat peperiksaan sehari sebelum hari peperiksaan.
7. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
8. Calon hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.

PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Peperiksaan ini mengandungi **satu (1)** bahagian iaitu :

Bahagian I - Amali

BAHAGIAN I - AMALI

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** seksyen :

Seksyen A - Bakat Kepimpinan
Seksyen B - Bakat Kesenimanan

Seksyen A - Bakat Kepimpinan

Dalam seksyen ini calon-calon akan diuji bakat dan kebolehan dalam perkara-perkara berikut :

- a) Pengucapan Awam (*Public Speaking*)
- b) Perbincangan Kumpulan

a) PENGUCAPAN AWAM (*PUBLIC SPEAKING*)

1. Calon-calun diuji bakat dan kebolehan dalam pengucapan awam, yang bertujuan untuk melihat kemampuan calon menghadapi audien dalam tugas-tugasnya serta berkebolehan menghurai sesuatu perkara.
2. Penilaian adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :
 - a) Isi kandungan sesuatu subjek yang dikemukakan
 - b) Keupayaan menghurai sesuatu perkara (subjek)
 - c) Kelancaran
 - d) Gaya
3. Calon-calun akan diberi masa **dua puluh (20)** minit untuk menyediakan bahan pengucapan dan **sepuluh (10)** minit untuk membuat ucapan.

b) PERBINCANGAN KUMPULAN

1. Calon-calun akan diuji kebolehan memberi idea-idea yang bernas terhadap sesuatu perkara yang dikemukakan.
2. Penilaian / permarkahan akan diberi seperti berikut :
 - a) Isi kandungan
 - b) Kebolehan/Respon yang bersifat '*analysis*'
 - c) Kelancaran
 - d) Gaya
3. Calon-calun akan diberi masa **lima belas (15)** minit untuk seksyen ini.

Seksyen B - Bakat Kesenimanan

Dalam Seksyen ini calon-calun akan diuji bakat dan kebolehan dalam **tiga (3)** dari bidang-bidang berikut :-

Jenis Bidang

- (a) Seni Tari
- (b) Seni Lakon
- (c) Seni Muzik
- (d) Sastera
- (e) Seni Lukis

(a) SENI TARI

1. Amali - Calon-calun akan diminta melakukan tarian-tarian berikut :
Inang, Zapin, Joget dan **satu** pergerakan silat.

4 markah akan diberi untuk setiap jenis dan dinilai dari segi :

- a) Keselarasan gerak dengan rentak
- b) Ketepatan tari
- c) *Posture* dan *Gesture*

2. Mengenalpasti lapan (8) negeri asal jenis-jenis muzik iringan tari yang diperdengarkan dan menamakan nama tari yang berikutan. Setiap satu membawa 1/2 markah.

Masa : 5 minit persiapan & 10 minit ujian.

(b) SENI LAKON

Beberapa suasana lakon (situasi) dan skrip akan diberi untuk calon membuat improvisasi pembahagian markah adalah **penghayatan, pergerakan, pengucapan dan daya ingatan.**

Masa : 5 minit persiapan & 10 minit ujian.

(c) SENI MUZIK

Calon-calun dibenarkan memilih **satu** dari bidang berikut :

- i. Muzik Moden **ATAU**
- ii. Muzik Tradisional / etnik

(i) Muzik Moden

Calon akan diuji kebolehan membaca muzik bernota dan muzik melalui ingatan (*by-heart*).

Muzik Bernota

Nota akan diberi dari lagu popular dan ciptaan tempatan tanpa memberi nama lagu dan penciptanya. Markah akan diberi berdasarkan **kelancaran, tone quality dan gaya (expression).**

Muzik Melalui Ingatan (By—Heart)

Panel akan memberi satu lagu popular masakini atau lagu-lagu evergreen Melayu untuk dimainkan tanpa nota. Markah akan diberi berdasarkan **kelancaran, tone quality dan gaya (expression)**

(ii) Muzik Tradisional / Ethnik

Calon dikehendaki bermain muzik dalam **dua (2)** keadaan.

Pilihan Bebas

Calon bebas memainkan lagu tradisional / etnik secara pilihan sendiri mengikut ingatan dan lagu yang diketahuinya. Markah akan diberi berdasarkan **ketepatan/kelancaran dan gaya (expression)**

Muzik Iringan Untuk Tari Atau Silat

Markah akan diberi berdasarkan **ketepatan/kelancaran dan gaya (expression)**

Masa : 5 minit persiapan & 10 minit untuk persembahan

INGATAN :

Calon-calun dikehendaki membawa alat-alat muzik (moden atau tradisional) sendiri. Alat-alat itu hendaklah yang senang dibawa.)

(d) SASTERA

1. PENULISAN

Calon akan diberi beberapa sinopsis yang menggambarkan sesuatu situasi dan calon dikehendaki mencipta **puisi** yang minima 20 perkataan. Markah akan diberi berdasarkan **ketepatan interprintas** dan **kualiti keseluruhan**.

Masa : 10 minit

2. PENGUCAPAN

Calon dikehendaki membaca / mendeklamasi hasil puisi yang telah dicipta seperti di atas dan markah akan diberi berdasarkan **Gaya/penghayatan, deklamasi/intonasi** dan **kelancaran**.

Masa : 5 minit

(e) SENI LUKIS

Calon-calon hanya dikehendaki membuat lukisan lakar sahaja dan diminta memilih salah satu dari bidang-bidang seni lukis berikut :

LUKISAN POTRET

Calon diminta melukis salah seorang dari orang kenamaan melalui ingatan. Calon hendaklah menggunakan pensil hitam dalam membuat lukisan ini.

LUKISAN OBJEK

Calon diminta melukis satu atau beberapa objek yang disediakan. Calon hendaklah menggunakan pensil hitam dalam membuat lukisan ini.

LUKISAN IMAGINASI

Calon diberi suatu tajuk dengan sinopsis yang sesuai untuk dilakar dengan menggunakan pensil warna.

LUKISAN GRAFIK

Calon akan diberi satu kenyataan dan kehendaki melukis satu poster berdasarkan kenyataan tersebut dengan menggunakan pensil hitam dan pensil warna. Markah akan diberi berdasarkan **idea kreatif yang berkesan, keindahan keseluruhan** dan **ketepatan dengan situasi**.

Masa : 25 minit